



Wajib Ayam Pedas Nyonya

Rancarkan selera lidah anda dengan KFC Ayam Pedas Nyonya di KFC sekarang.
KFC® Malaysia

[Beli Sekarang >](#)

04 DESEMBER 2021, 21:24 PM

[Kebanyakan jangkitan varian Omicron tidak serius](#)

[LOG MASUK](#)

[LANGGAN](#)



SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!



MediaMulia
SDN BHD

[TERKINI](#) [NEGARA](#) [K2](#) [HIB GLAM](#) [DUNIA](#) [SUKAN](#) [NIAGA](#) [AHAD](#) [VIDEO](#) [PREMIUM](#)

Home » TDM terima anugerah Kemampanan dan CSR Malaysia

NEGARA



Norfar'izan (tengah) mewakili TDM mengambil anugerah Kemampanan dan CSR Malaysia daripada Pengarang Pengurusan CSR Malaysia, Lee Seng Chee semalam.

TDM terima anugerah Kemampanan dan CSR Malaysia

Oleh MOHD AZLI ADLAN 30 November 2021, 3:06 pm



KUALA TERENGGANU – Kumpulan TDM Berhad yang merupakan anak syarikat kerajaan negeri Terengganu dinobatkan sebagai Syarikat Terbaik Tahunan bagi anugerah Kemampanan dan CSR Malaysia 2021 semalam.

Ketua Komunikasi Korporat TDM, Norfar'izan Hashim berkata, syarikat peladangan dan penjagaan kesihatan itu menerima anugerah tersebut atas inisiatif yang telah diambil bagi kebajikan haiwan dan membantu memerangi pandemik Covid-19.

“Pengiktirafan ini perakuan kepada sumbangan dan komitmen TDM dalam menerajui pembangunan mampan sebagai syarikat bertanggungjawab dan menghormati hak individu, komuniti dan alam sekitar.

“TDM telah mengambil inisiatif ‘Hidup Bersama Gajah’ selain aktif membantu usaha memerangi Covid-19 menerusi sumbangan RM1 juta kepada Tabung Bantuan Covid-19 Terengganu,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, inisiatif ‘Hidup Bersama Gajah’ adalah pendekatan harmoni yang diambil bagi menangani isu pencerobohan gajah liar di ladang kelapa sawit milik TDM khususnya di Kemaman dan Setiu.

Jelas beliau, antara pendekatan diambil penubuhan bank makanan gajah dengan menanam spesies tumbuhan yang menjadi makanan gajah di kawasan tersebut.



“Bagi inisiatif membantu usaha kerajaan memerangi Covid-19, empat pusat perubatan kendalian TDM di seluruh negara telah memainkan peranan menjadi pusat pemberian vaksin hospital swasta (PPVHS),” katanya. – K! ONLINE